

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

ANALISIS MAKNA EKSPLISIT PENTERJEMAHAN PERIBAHASA ARAB-MELAYU DALAM BUKU KALILAH WA DIMNAH

ANALYZING THE MEANING OF ARAB-MALAY PROVERB EXPLICITATION IN KALILAH&DIMNAH BOOK

Salmi Sakinah Abdul Shukor ^{*1}, Taj Rijal Muhamad Romli ²
AbdelmuniemAhmed Mohamed ³

¹ Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: sakinahshukor94@yahoo.com

² Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: taj.rijal@fbk.upsi.edu.my

³ Department of Arabic Language, Taibah University, Medina, Saudi Arabia.

Email: manee785@gmail.com

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/98>

Abstract

Studies involving translation explication has garnered interest in the translation field, especially in the field of Arab-Malay translation, where explication techniques are used to transfer information from a source language to the target language to ensure that the meaning conveyed is not misunderstood by the target readers. This study presents an analysis of the explicit meanings found in the translation of a book by Kalilah & Dimnah: *The Inspiration of Cross-Time Scholars*, which was translated by Siti Hadijah Mappedending in 2017. This study is a qualitative study focusing on library research. The study adapts the theory introduced by Vinay and Darbelnet. As well as Klaudy & Karoly who introduced more in-depth and systematic interpretation procedures. The researcher selected 12 proverbs contained in this book as the corpus of research and examined the explication that occurs while a translator translates the proverb. Ten explicit techniques adapted from Mohamed Mostafa's (2016) study form the basis of the analysis. There are a number of techniques that have been explicitly identified as deemed as appropriate to translate Arabic proverbs to Malay. The thorough analysis involved analyzing the meaning of the proverbs and the explication techniques used by the translator. The study found that the translator used several explicit techniques like explicit paraphrase, ellipsis, lexical expansion, specialization, replacement and defining in translating Arabic proverbs to Malay.

Keywords: Explicit, Exploratory, Ellipsis, Domain

Abstrak

Kajian yang melibatkan domain pengeksplisitan mula memasuki ruang penterjemahan, khususnya penterjemahan Arab-Melayu yang memerlukan teknik pengeksplisitan di dalam memindahkan maklumat dari bahasa sumber ke bahasa sasaran supaya maksud yang disampaikan difahami dan tidak disalah erti oleh para pembaca sasaran. Kajian ini mengemukakan analisis makna eksplisit yang terdapat dalam penterjemahan buku *Kalilah & Dimnah: Inspirasi Cendekiawan Merentas Masa* yang diterjemahkan oleh Siti Hadijah Mappeneding pada 2017. Kajian ini merupakan suatu kajian kualitatif yang berfokuskan kajian kepustakaan. Kajian ini mengadaptasi teori pengeksplisitan yang diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet, serta Klaudy dan Karoly yang memperkenalkan pengeksplisitan dengan tatacara lebih mendalam dan sistematik. Pengkaji memilih 12 peribahasa yang terkandung dalam buku ini sebagai korpus kajian. Kajian melihat bentuk eksplisit yang berlaku apabila penterjemah menterjemah peribahasa tersebut. Sepuluh teknik eksplisit yang diadaptasi dari kajian Mohamed Mostafa (2016) telah dijadikan sebagai dasar analisis. Terdapat beberapa teknik eksplisit telah dikenal pasti dan dianggap sesuai untuk digunakan dalam penterjemahan peribahasa Arab-Melayu. Analisis dijalankan secara menyeluruh melalui analisis makna peribahasa dan teknik eksplisit yang digunakan oleh penterjemah. Dapatan kajian mendapati bahawa penterjemah menggunakan teknik eksplisit seperti parafrasa eksplisit, ellipsis, perluasan leksikal, pengkhususan, penggantian dan penjelasan dalam menterjemah peribahasa Arab ke peribahasa Melayu.

Kata kunci: Eksplisit, Pengeksplisitan, Ellipsis, Domain

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 13th August 2020, revised 27th August 2020, accepted 15th September 2020

Pengenalan

Dasawarsa kini, penterjemahan teks sastera dilihat kurang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penterjemah mahupun pembaca. Hal ini kerana kurangnya perhatian atau munculnya kekangan di dalam menterjemah teks sasaran itu sendiri disebabkan nilai sastera yang tinggi dan sukar untuk diterjemahkan. Selain itu, perbezaan budaya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran juga menyebabkan kekangan untuk menterjemah teks sastera. Justeru, teks atau buku sastera semakin hari tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan pembaca, juga menjadi semakin lesu dan kurang mendapat perhatian. B.Palanisamy (2017)¹ menyatakan penggunaan dua bahasa yang berbeza dalam penterjemahan teks menyebabkan berlakunya kesilapan tatabahasa, pemilihan leksikal dan ketepatan makna. Kesilapan sebegini berlaku dalam terjemahan kerana bahasa yang berbeza mempunyai struktur binaan ayat yang berbeza. Di sini, pengkaji ingin mengemukakan teknik eksplisit yang boleh diguna pakai oleh penterjemah supaya penterjemahannya menjadi lebih berkesan terutamanya dalam penterjemahan teks sastera. Pengkaji telah membina 7 teknik eskplisit yang diadaptasi dari kajian Mohamed Mostafa (2016) yang bersesuaian dan boleh menjadi panduan di dalam menterjemahkan teks sastera atau buku-buku sastera di samping menjaga nilai kesusasteraan itu sendiri tanpa mengubah makna ayat yang diterjemahkan dan dapat memberi kesan dikalangan pembaca sendiri. Vinay & Darbelnet

(1958/1995)² mengatakan, eksplisit merupakan teks yang terdapat padanya dalam bahasa sasaran tetapi tidak dijumpai dalam bahasa sumber. Ia berlaku disebabkan penterjemah ingin memberikan penjelasan yang jelas dan untuk mengelakkan *ambiguity* berlaku kerana teks terjemahan yang berkesan adalah teks terjemahan apabila dibaca oleh pembaca seolah-olah membaca teks asal.

Seperti mana hasil kajian yang ditemui oleh pengkaji, pengeksplisitan berlaku pada peringkat leksikal, tatabahasa, pragmatik, dan lain-lain. Di sini pengkaji hanya memfokuskan pengeksplisitan yang berlaku pada peringkat peribahasa. Sepertimana yang diketahui umum, peribahasa Arab yang mengandungi nilai kesusasteraan yang tinggi merupakan salah satu unsur yang menjadi cabaran kepada penterjemah untuk menterjemahkan kepada bahasa sasaran kerana pertembungan budaya yang berbeza, dan kesukaran untuk mencari padanan yang setara dalam bahasa sasaran. Selain itu, bahasa Arab mempunyai nilai kesusasteraan yang tinggi. Justeru pengkaji dapati, untuk menterjemah makna peribahasa Arab ke bahasa Melayu, penterjemah disarankan untuk menterjemah peribahasa tersebut dengan menulis peribahasa Melayu yang sepadan dari segi makna.

Pengeksplisitan Dalam Penterjemahan

Kajian di dalam bidang eksplisit semakin meluas dan mendapat perhatian selepas kajian yang dilakukan oleh Blum Kulka iaitu mengenai hipotesis eksplisit. Semenjak itu, munculnya kajian mengenai hipotesis banyak dilakukan oleh sarjana-sarjana penterjemahan yang lain bagi membuktikan hipotesis eksplisit yang didefinisikan oleh Blum Kulka layak dianggap sebagai teori eksplisit.

Hipotesis eksplisit turut disokong oleh Seguinot (1988)³ di mana beliau telah melakukan satu kajian terhadap terjemahan Inggeris-Perancis dan Perancis-Inggeris melalui bentuk-bentuk *improved topic-comment links*, penambahan kata hubung dan penggantian klausa. Beliau bersetuju dengan pandangan Blum Kulka pada awalnya, tetapi Seguinot berpendapat definisi yang dikemukakan oleh Blum Kulka terhadap hipotesis eksplisit terlalu sempit *narrow* (melibatkan skop yang kecil) kerana Seguinot berpandangan eksplisit tidak membawa maksud kepada *redundancy* (kelewahan) semata-mata.

Baker (1992)⁴ merupakan sarjana pertama yang menekankan kefahaman/ idea universal terjemahan dapat dikaji melalui korpus-korpus (*corpora*) yang diterjemahkan berbanding teks asal yang belum diterjemahkan. Kajian penggunaan kaedah korpus untuk mengkaji terjemahan teks dengan membandingkan teks terjemahan dan teks bahasa sumber khususnya Arab-Melayu-Arab adalah sangat digalakkan (Taj Rijal, 2015)⁵.

Papai (2004)⁶ menjalankan kajian terhadap pengeksplisitan yang berlaku di peringkat pragmatik. Papai (2004)⁶ juga menambah item penjelasan di dalam terjemahan bahasa Hungary yang tidak terdapat dalam teks sumber. Tujuan beliau menambah frasa item penjelasan adalah untuk mengelakkan kekeliruan (*avoiding ambiguity*). Kemudian Englund Dimitrova (2005)⁷ menjalankan kajian mengenai berfikir dan menyatakan perkara yang difikirkan (*thinking aloud*) untuk menguji sebuah hipotesis. Penterjemah yang menterjemah teks dikehendaki untuk menyebut perkataan yang terbit di minda mereka ketika melakukan proses menterjemah teks. Segala ungkapan dan perkataan yang disebut oleh penterjemah dirakam. Hasil kajian mendapati terdapat

dua jenis pengeksplicitan yang berbeza yang dinamakan pengeksplicitan yang dikawal (*norm governed explicitations*) dan strategi pengeksplicitan.

Pengeksplicitan berlaku apabila teks sasaran tertentu adalah lebih eksplisit daripada padanan teks sumbernya. Pengeksplicitan mula diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet pada tahun 1958 menerusi salah satu prosedur terjemahan tambahan yang disenaraikan mereka berdua sebagai tambahan kepada prosedur terjemahan langsung dan terjemahan tidak langsung. Pengeksplicitan bermaksud maklumat yang dinyatakan secara implisit sumber diungkapkan secara jelas dalam teks sasaran (Becher, 2011)⁸. Pengeksplicitan juga boleh menjadi wajib, pilihan atau pragmatik berdasarkan konteks ayat.

Contoh pengeksplicitan yang terdapat dalam buku *Kalilah wa Dimnah*: *ومن لم يرضى* diterjemahkan kepada orang yang tidak puas dengan perolehan duniawi. Penambahan perkataan di sini ialah pada perkataan perolehan. Teks sumber tidak mengandungi perkataan perolehan, tetapi teks sasaran ditambah dalam teks perkataan perolehan. Tujuan eksplisit di sini adalah untuk meningkatkan daya mesej yang disampaikan.

Kalilah Wa Dimnah

Kalilah Wa Dimnah asalnya merupakan sebuah karya Sanskrit agung milik empayar India yang ditulis pada tahun 300 Masihi dengan nama Panchatantra. Karya ini telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa lain iaitu dikatakan lebih dari dua puluh bahasa. Antaranya ialah Yunani (abad ke 10), Parsi (ke-11), Albania (ke-12), Ibrani Tua, Baharu dan Latin (ke-13), Inggeris dan Rusia (ke-18) Semuanya kebanyakan diterjemahkan dari terjemahan dari bahasa Arab yang dilakukan oleh Ibn Al-Muqaffa. Banyak penulis yang sangat terpengaruh oleh gaya sastera Arab karena mengikuti Ibn Al-Muqaffa, baik dari segi gaya ungkapan mahupun cara mengkritik keadaan politik dan masalah sosial pada masa itu, saat kebebasan mengungkap pendapat sudah tidak ada tempatnya (Siti Hadijah, 2016)⁹.

Antara kisah yang boleh diambil iktibar dalam Kalilah Wa Dimnah kisah singa dan seladang. Kisah yang diambil dari Panchatantra, adalah tentang persahabatan, ketidakpercayaan, dan pengkhianatan, ia bertujuan untuk memberi bimbingan kepada para pemimpin untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri dan tidak bergantung pada nasihat menteri. Peristiwa berkisar di sekitar mahkamah singa, yang melibatkan Kalilah dan Dimnah. Dimnah, yang bercita-cita tinggi, membantu singa mengatasi ketakutannya terhadap seladang (Syatrabah), namun akhirnya seladang menjadi kawan baik singa. Seterusnya, Dimnah cemburu melihat seladang menjadi sahabat baik dengan singa. Dimnah melakukan pengkhianatan dengan menabur fitnah tentang si seladang sehingga singa mempercayai percakapan Dimnah. Seterusnya Dimnah berjumpa dengan seladang dan menaburkan kata-kata fitnah yang direka olehnya sehingga menimbulkan kemarahan seladang kepada singa. Selepas itu, berlaku pertarungan sengit antara singa dan seladang sehingga menyebabkan seladang mati dan singa mengalami cedera yang parah akibat daripada mempercayai kata Dimnah.

Objektif Kajian

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji telah mengenal pasti tiga objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini, iaitu:

- i. Mengetahui bentuk eksplisit di dalam penterjemahan dalam buku *Kalilah Wa Dimnah*.
- ii. Melakukan penilaian terhadap pendekatan teknik eksplisit yang berkesan dalam penterjemahan *Kalilah Wa Dimnah*.
- iii. Merumuskan pendekatan terjemahan eksplisit peribahasa yang terdapat di dalam buku *Kalilah wa Dimnah*


Metodologi

Metode atau kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah metode kualitatif deskriptif iaitu dengan menggunakan bahan yang terdiri daripada teks sebagai bahan kajian kemudian dibincangkan mengenai setiap bait penulisan tersebut yang mengandungi pengeksplisitan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis teks. Bahan kajian utama ialah data berbentuk tekstual yang dikumpulkan daripada teks *Kalilah Wa Dimnah* dan terjemahan nya. Kajian kualitatif ialah kajian yang menggunakan pendekatan semula jadi atau natural untuk memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus.

Secara umumnya, penyelidikan kualitatif bermaksud sebarang penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau lain-lain bentuk pengiraan (Strauss & Corbin 1998)¹⁰. Secara ringkasnya, penyelidikan kualitatif bolehlah didefinisikan sebagai satu proses inkuiri untuk memahami masalah sosial atau masalah manusia, berdasarkan kepada gambaran yang menyeluruh dan kompleks, melalui pandangan informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan yang sebenar dan semula jadi (Creswell, 1994)¹¹.

Strategi Pengeksplisitan

Berikut ialah strategi pengeksplisitan menurut Klaudy & Karoly (2010)¹² yang digunakan oleh pengkaji di dalam mengenal pasti bentuk-bentuk eksplisit dalam penterjemahan peribahasa Arab Melayu yang terdapat dalam buku *Kalilah Wa Dimnah*:



Rajah 1 Strategi Pengeksplisitan oleh Klaudy dan Karoly diolah daripada dan diterjemahkan oleh Syed Nurul Akla (2015)

Dalam rajah tersebut Klaudy dan Karoly menjelaskan pengeksplisitan berlaku apabila:

- i. Satu unit bahasa sumber yang mempunyai makna lebih umum digantikan dengan makna spesifik dari bahasa sasaran.
- ii. Elemen baharu yang bermakna hadir dalam bahasa sasaran iaitu elemen tersebut tidak didapati di bahasa sumber.
- iii. Suatu frasa dari bahasa sumber diperluas dan menjadi klausa dalam bahasa sasaran.
- iv. Makna perkataan dalam bahasa sumber yang kompleks dibahagi-bahagikan kepada beberapa perkataan dalam bahasa sasaran.
- v. Suatu ayat dalam bahasa sumber dibahagikan kepada dua ayat atau lebih dalam bahasa sasaran.

Teknik Pengeksplisitan

Pengkaji melihat kajian tentang makna eksplisit dalam konteks penterjemahan di Malaysia masih lagi baharu, apatah lagi peninjauannya dari sudut pengeksplisitan. Justeru pengkaji ingin mengkaji eksplisit di dalam terjemahan Arab-Melayu dengan lebih lanjut. Pengkaji menggunakan teks di dalam buku Kalilah wa Dimnah sebagai sumber data untuk menganalisis jenis eksplisit, bentuk, dan makna berserta teknik. Pengkaji telah menganalisis 12 peribahasa yang terdapat dalam penterjemahan buku Kalilah wa Dimnah dan telah mendapati terdapat unsur penambahan yang telah dilakukan oleh penterjemah. Justeru pengkaji menyenaraikan 10 teknik yang diambil dan diadaptasi daripada kajian sarjana dalam penterjemahan Inggeris-Arab karya Mohammed Mostafa

(2016)¹³. Muhammad Mostafa telah menggunakan teknik eksplisit untuk menterjemahkan dokumen polisi sebuah syarikat. Teknik pengeksplicitan tersebut adalah seperti berikut:

1- **Explicative paraphrase**: melibatkan perubahan di peringkat leksikal yang menyebabkan teks sasaran lebih panjang dari teks sumber tetapi tidak sekali-kali merubah makna ayat. Terdapat empat kategori yang telah dikenal pasti iaitu penambahan kata nama, penambahan kata sifat, penambahan kata kerja dan *recast* (gabungan kata nama dan kata sifat, preposisi, parafrasa). Penambahan frasa penjelasan adalah suatu bentuk dari pengeksplicitan. (Shuttleworth dan Cowie 1997)¹⁴.

2- **Kata hubung**: menunjukkan kekerapan penggunaan kata hubung yang membawa maksud dan, seterusnya, selain itu, tambahan lagi, kemudian dan lain-lain lagi.

3- **Rujukan**: Pym (2005)¹⁵ tidak bersetuju dengan satu kenyataan yang mengatakan sistem rujukan berorientasikan penterjemah untuk pengurusan risiko yang tiada kerjasama dalam komunikasi, dan mereka cenderung berisiko kerana sistem kebudayaan yang sering membentuk tugas profesional mereka kepelbagaian penterjemahan. Di dalam konteks rujukan di sini ialah merupakan satu teknik eksplisit yang membincangkan konteks di dalam menggantikan kata ganti nama dalam teks sumber dengan menggantikannya kepada kata nama di dalam teks sasaran.

4- **Peningkatan frasa ke klausa**: Frasa merupakan binaan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan. Binaan frasa jelas menunjukkan corak perkembangan daripada bentuk perkataan kepada satu binaan yang lebih luas dan membawa makna yang lebih mendalam (Kamarudin Hj.Husin, 1997)¹⁶. Frasa mampu berdiri sebagai satu perkataan sahaja kerana kemampuan bentuk perkataan itu untuk diperluaskan menjadi beberapa perkataan lain. Manakala klausa pula melibatkan binaan yang mengandungi sekurang-kurangnya subjek dan predikat.

5- **Pengulangan leksikal**: melibatkan pengulangan perkataan yang sama di dalam teks sasaran. Sebagai contohnya ayat *new and modified policies* diterjemahkan kepada السياسات الجديدة والسياسات التي تم تعديلها.

6- **Pengkhususan** (*Narrowing/ Specification*): menurut Klaudy dan Karoly (2008)¹⁷, pengkhususan bermaksud perkataan yang terdapat di dalam teks sasaran lebih khusus dari perkataan yang terdapat di dalam teks sumber. Contohnya: *Mobile number* diterjemahkan kepada رقم التليفون المحمول.


7- **Penjelasan** (*Amplification*): Penjelasan/penguatan berlaku apabila teks bahasa sasaran lebih *penting* fungsinya untuk mengisi jurang sintaksis atau leksikal ayat (Molina & Albir, 2002)¹⁸.

8- **Penggantian**: digunakan jika perkataan di teks sumber tidak wujud makna di teks sasaran, tetapi digantikan dengan perkataan yang mempunyai makna seerti di teks sumber sebagai penggantian kepada makna asal tersebut.

9- **Pelesapan**: juga dikenali sebagai *ellipsis* yang bermaksud sesetengah perkataan (*omitted*) dihilangkan bertujuan untuk mengelakkan pengulangan yang sama dengan syarat perkataan yang dihilangkan dalam teks sumber hendaklah perkataan yang dapat difahami dalam teks sasaran.

10- **Peluasan leksikal**: menurut Klaudy (2010) peluasan leksikal atau dikenali sebagai generalisasi (Vinay & Darbelnet 1958)² merupakan operasi pemindahan standard yang melibatkan unit teks bahasa sumber lebih khusus digantikan dengan teks sasaran yang lebih umum. Contohnya perkataan *store helpers* diterjemahkan kepada *عمال المخازن*.

Seterusnya, pengkaji telah memilih 7 eklektik sebagai teknik eksplisit yang pengkaji gunakan di dalam kajian ini iaitu parafrasa eksplisit, pengkhususan, frasa dan klausa, peluasan leksikal, penggantian (*amplification*), kata hubung (*conjunction*), penjelasan yang telah digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah teks sumber ke bahasa sasaran. Teknik yang berikut ialah:



Rajah 2: Teknik Eksplisit

Perbincangan Dan Dapatan

Pengkaji telah membaca dan meneliti pengeksplisitan yang berlaku di penterjemahan peribahasa Arab Melayu di dalam buku Kalilah wa Dimnah. Terdapat 12 peribahasa yang telah dipilih oleh pengkaji di dalam kajian ini. Analisis ketepatan teknik eksplisit terhadap penterjemahan peribahasa Arab Melayu adalah seperti yang berikut:

1- ولئن كنت عند مقامي بين يدي الملك أمسكت عن ابتدائه بالكلام فإن ذلك لم يكن مني إلا لهيبته والإجلال له. ولعمري إن الملوك لأهل أن يهابوا ولا سيما من هو في المنزلة التي جل فيها الملك عن منازل الملوك قبله. وقد قالت العلماء: الزم السكوت فإن فيه السلامة وتجنب الكلام الفارغ فإن عاقبته الندامة.

Kalau tadi patik membisu tidak berani memulakan bicara berada di depan sang raja, itu tidak lain hanyalah kerana rasa segan dan hormat terhadap baginda. Sungguh, memang para raja itu patut didaulati, lebih-lebih lagi kerana kedudukannya paling agung berbanding raja-raja sebelumnya. Para cendekiawan mengatakan, ‘Biasakan berdiam diri kerana di dalamnya ada keamanan. Hindari bualan kosong kerana akibatnya hanya sesalan.’ (Kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa)

Keterangan: Penterjemah menterjemahkan *الزم السكوت* kepada biasakan berdiam diri. Terdapat penambahan perkataan diri selepas berdiam. Ini merupakan salah satu teknik pengeksplicitan iaitu mengkhususkan kepada perbuatan berdiam diri. Perkataan *السلامة* diterjemahkan kepada keamanan berbanding keselamatan kerana mengikut kesesuaian konteks ayat. Pengkaji dapati perkataan keselamatan kepada keamanan dengan menggunakan teknik eksplisit penggantian, iaitu menggantikan sesuatu perkataan kepada perkataan lain yang mempunyai makna yang sama atau lebih dekat dengan pembaca sasaran dan lebih sesuai untuk digunakan di dalam konteks ayat tersebut.

Seterusnya, Peribahasa Arab di sini merupakan *al-mathal al-mujaz*. Pada pendapat pengkaji, penterjemah sudah berjaya maksud tersebut, tetapi penterjemah menambahkan peribahasa Melayu supaya lebih dekat dengan pembaca sasaran dalam konteks budaya Melayu itu sendiri. Pengkaji juga telah mendapati terdapat penambahan peribahasa Melayu di dalam teks sasaran iaitu kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa.

Peribahasa ini juga mempunyai makna yang sepadan dengan peribahasa bahasa Arab tersebut. Maksud peribahasa tersebut ialah disebabkan mulut jika tersalah bicara menyebabkan sesuatu kecelakaan atau masalah berlaku. Justeru, padanan peribahasa tersebut adalah sesuai untuk ditambah dalam bahasa sasaran supaya pembaca yang terdiri umumnya daripada masyarakat Melayu mudah memahami maksud yang ingin disampaikan penterjemah. Pada pendapat pengkaji, peribahasa seharusnya juga diterjemahkan ke dalam bentuk peribahasa, tetapi, dalam bahasa Melayu terdapat banyak peribahasa yang sama dengan ayat tersebut, justeru penterjemah perlu meneliti peribahasa manakah yang paling sesuai untuk digunakan dalam menterjemah peribahasa Arab tersebut.

Kesimpulannya, teknik eksplisit yang bersesuaian sudah memadai di dalam penterjemahan sekiranya pembaca sasaran dapat memahami makna ayat tersebut secara langsung. Namun, jika penterjemahan tersebut dilihat kurang berkesan di dalam menyampaikan maksud, seharusnya penterjemah memasukkan elemen tambahan seperti peribahasa.

2- وينبغي لمن طلب أمرا أن يكون له في غاية ونهاية يعتمد على ويقف عندها ولا يتمادى في الطلب. فإنه يقال: من سار إلى غير غاية فيوشك أن تنقطع به مطيته

Orang yang mencari sesuatu, hendaklah menentukan sasaran yang boleh dicapai dan kemungkinan yang bakal dihadapi selain tidak berlengah-lengah. Ada pepatah mengatakan, ‘Orang yang berjalan tanpa arah tujuan, hampir-hampir tunggangannya binasa tak dapat berjalan lagi’ (Awal dikenal akhir tidak, alamat badan akan rosak)

Keterangan: Pengkaji mendapati penterjemah menterjemahkan peribahasa tersebut secara terjemahan makna. Beliau tidak menterjemah secara harfiah tetapi menyampaikan maksud secara

bersahaja. Pengkaji juga mendapati penterjemah menterjemah *من سار الى غير غاية* dengan menggunakan kaedah pengeksplicitan, iaitu menterjemahkan perkataan *من* kepada orang, di dalam Kamus Dewan perkataan *من* membawa makna kepada siapa, justeru penterjemah mendapati ini merupakan teknik eksplisit penggantian iaitu dengan menggantikan makna seerti dalam bahasa sasaran supaya pembaca lebih memahami makna. Seterusnya, terdapat penambahan perkataan *arah* di dalam bahasa sasaran, menunjukkan arah *tujuan* iaitu bagi mengkhususkan makna tujuan yang dimaksudkan, dan ini merupakan teknik eksplisit pengkhususan dalam pengeksplicitan.

Berikutnya mengenai makna *فيوشك أن تنقطع به مطيته* diterjemahkan kepada hampir-hampir tunggangannya binasa tak dapat berjalan lagi. Ini merupakan terjemahan secara makna dan bukan terjemahan harfiah atau turut dikenali sebagai penterjemahan perkataan demi perkataan. Tujuan penterjemahan secara makna ialah untuk memastikan pembaca sasaran dapat memahami maksud terjemahan tersebut dengan baik. Jika diterjemahkan secara harfiah, berkemungkinan besar sebahagian pembaca tidak dapat memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penterjemah.

Terdapat juga penambahan peribahasa bahasa Melayu pada teks sasaran iaitu awal dikenal akhir tidak, alamat badan akan rosak. Maksud dari peribahasa tersebut ialah orang yang tidak berhati-hati lakukan pekerjaannya (yang baiknya saja yang diingat) tentulah akhirnya akan menyesal dan kecewa. Justeru terjemahan tersebut merupakan penterjemahan yang mengandungi unsur eksplisit kerana menurut Klaudy dan Karoly (2008) eksplisit terjadi apabila suatu ayat dalam bahasa sumber dibahagikan kepada dua ayat atau lebih dalam bahasa sasaran.

Kesimpulan

Kajian mengenai eksplisit di dalam penterjemahan Arab-Melayu secara tidak langsung boleh menambahkan pengetahuan terhadap metodologi serta teknik penterjemahan yang lebih meluas. Selain itu, kajian ini juga dirasakan penting dalam memberi panduan kepada para penterjemah untuk menterjemah karya sastera klasik dengan menggunakan teknik eksplisit yang betul dengan memberikan input-input baharu yang berkaitan dengan penterjemahan makna yang berkait dengan eksplisit. Tambahan pula, kajian ini dijangka memberi impak yang meluas di dalam bidang penterjemahan seperti meningkatkan kemahiran penterjemah di dalam domain latihan bidang penterjemahan.

Di dalam suatu penterjemahan juga, kepentingan makna sangat dititikberatkan. Makna merupakan domain dan merupakan inti pati terjemahan yang paling utama, justeru untuk melakukan proses pemindahan makna merupakan sesuatu yang bukan mudah kerana untuk menterjemah sesuatu teks mesti didasarkan oleh faktor yang munasabah. Meskipun jika hendak melakukan eksplisit di dalam terjemahan, haruslah mengikut spesifikasi eksplisit yang diberi panduan, tidak boleh sewenang-wenangnya menambah perkataan sesuka hati, kerana bimbang akan menyebabkan terjemahan membawa maksud yang lain. Jika tidak kerana faktor yang munasabah, boleh memberikan kesan dan menjejaskan teks terjemahan yang dihasilkan, atau memberikan tafsiran dan interpretasi yang salah terhadap makna yang terkandung dalam teks asal.

Justeru, penterjemah perlulah mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan mendalam mengenai eksplisit supaya dapat mengimplementasikan ketika menterjemah teks-teks sastera klasik. Selain itu, penterjemah haruslah mengenal pasti jenis eksplisit serta teknik eksplisit. Akhir

sekali, diharapkan kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi maklumat mengenai eksplisit dengan jayanya.

Rujukan:

1. B.Palanisamy, M. (2017). Research on error analysis in translation of Tamil text into Malay (Kajian kesilapan penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu). *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(1), 12-27.
2. Vinay, J., & Darbelnet, J. (1958). *Stylistique Comparée du Français et de l'Anglais*. Paris: Didier-Harrap.
3. S'eguino, C. (1988). Pragmatics and the explicitation hypothesis. *TTR: Translation, Terminologie, Redaction*, 1(2),106-113
4. Baker. (1992). *In other words: a coursebook on translation*. London: Routledge.
5. Taj Rijal. (2015). *Korpus setanding sebagai alat bantu penterjemahan*. Tanjung Malim: UPSI
6. Pápai, V. (2004). Explicitation: A universal of translation text? In A. Mauranen & P.Kujamäki (Eds), *Translation universals: Do they exist?* (pp.143-64). Amsterdam & Philadelphia: John Benjamin Publishing Company.
7. Englund Dimitrova. (2005). *Expertise and Explication in the Translation Process*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamin Publishing Company.
8. Becher. (2011). *Explicitation and implicitation in translation*. Hamburg: University Hamburg.
9. Siti Hadijah Mappeneding. (2016). *Mukaddimah Penterjemah dalam Kalilah & Dimnah: Inspirasi Cendekiawan Merentas Masa*. Kedah Darul Aman: Alasfiyaa Sdn. Bhd
10. Strauss, A & Corbin, J. (1998). *2nd Edition. Basics of qualitative research: techniques and procedures for developing grounded theory*. Thousand Oaks, London & New Delhi: Sage Publications.
11. Cresswell, J. W. (1994). *Research Design, Qualitative & Quantitative Approaches*. Thousand Oaks : Sage.
12. Klaudy Kinga & Krisztina Karoly. (2010). Specification and Generalisation of Meaning in Translation, *Meaning in Translation*,19, 18.
13. Mostafa El-Nashar, Mohamed Mohamed, *Explicitation Techniques in English-Arabic Translation: A Linguistic Corpus-Based Study* (September 2016). *Arab World English Journal (AWEJ)*, Volume 7, Number 3, Pp. 317-335, September 2016.
14. Shuttleworth, M. & M. Cowie. (1997). *Dictionary of Translation Studies*. Manchester: St. Jerome.
15. Pym, A. (2005). *Explaining explicitation in Krisztina Karoly & Agota Foris (eds). New trends in translation studies. In honour of Kinga Klaudy*. Budapest: Akademiai Kiado.
16. Kamarudin Hj. Husin. (1997). *Pengajian Melayu 1, Ilmu Bahasa dan Kecekapan Berbahasa*. Petaling Jaya: Kumpulan Budiman.
17. Klaudy, K. (2008). *Explicitation. In Mona Baker & Gabriela Saldanha (eds), Routledge encyclopedia of translation studies*. London & New York: Routledge, 2nd edn.
18. Lucia Molina & Albir. (2002). *Translation Techniques Revisited: A Dynamic and Functionalist Approach*. Universitat Autònoma de Barcelona, Barcelona, Spain.